

BERITA BERNAMA MEMELIHARA KHAZANAH NEGARA

Hasnita Bt Ibrahim

Pengurus Maklumat

Pusat Maklumat & Perpustakaan (Infolib), BERNAMA

hasnita@bernama.com

ABSTRACT

Malaysians read newspapers and listen to the news broadcast daily. Various ways are used to report the daily happenings in Malaysia as well as abroad and in most cases the sources of the news is BERNAMA. This article is an attempt to familiarise the public with BERNAMA, a Malaysian-based news agency.

Keywords: BERNAMA; News agencies; News; Malaysia

LATAR BELAKANG BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau ringkasnya BERNAMA, merupakan sebuah badan berkanun, di bawah Kementerian Penerangan Malaysia. BERNAMA telah dilancarkan pada 30 Ogos 1967 di bawah Akta Parlimen 1967 dan mula beroperasi pada 20 Mei 1968.

Sebagai Agensi Berita Nasional Malaysia, BERNAMA sentiasa memainkan peranan menyokong dasar dan program Kerajaan di samping sebagai sumber berita yang terkini dan tepat kepada semua lapisan masyarakat tempatan serta agensi berita antarabangsa yang beroperasi di negara ini. BERNAMA juga berperanan memupuk integrasi nasional serta meningkatkan imej negara di dalam dan luar negara. Disamping berorientasikan keuntungan, BERNAMA juga menjalankan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat Malaysia.

Pelanggan BERNAMA terdiri daripada media cetak seperti penerbit akhbar dan majalah; media elektronik seperti radio, televisyen, satelit; agensi berita antarabangsa; bank; broker saham; penganalisis kewangan; pelabur individu/syarikat; badan perniagaan; institusi pengajian tinggi; Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat, Badan Berkanun; dan individu.

BERNAMA memperkuatkannya aktiviti serta liputan di seluruh negara dengan mempunyai biro di setiap ibu negeri di Malaysia, Singapura, Jakarta dan Bangkok. BERNAMA juga mempunyai pewarta di Washington DC, London,

Hasnita I.

Manila, New Delhi, Dhaka, Melbourne dan Vancouver. Selain daripada itu, terdapat pemberita sambilan (*stringer*) di seluruh Malaysia, Dubai, Sri Lanka dan Berlin. Kehadiran pemberita di serata dunia membolehkan BERNAMA membuat liputan berita yang mempunyai kepentingan tempatan dan global.

Penganugerahan persijilan MS ISO 9000 : 1994, menjadikan BERNAMA sebagai agensi berita pertama di dunia yang menerima pengiktirafan seumpamanya. Setelah itu pula, ianya dinaiktaraf ke persijilan MS ISO 9001 : 2000.

Objektif operasi yang termaktub dalam Akta BERNAMA 1967, termasuk:

- a. Mencari dan mengemukakan maklumat, berita, bahan-bahan berita atau rencana-rencana berita yang lengkap, benar dan saksama atas apa-apa perkara mengenai kepentingan awam dan bangsa di dalam dan luar Malaysia;
- b. Membahagi-bahagikan maklumat, berita, bahan-bahan berita atau rencana-rencana berita kepada pelanggan-pelanggan dengan dikenakan bayaran sama ada berupa wang atau pertukaran berita atau kedua-duanya; dan
- c. Melaporkan dengan benar dan saksamanya, dengan tidak menyentuh kepentingan awam dan bangsa, pendapat-pendapat segala golongan penduduk Malaysia.

Piagam Pelanggan BERNAMA pula adalah :

- a. BENAR - Membuat liputan berita mengenai aktiviti dan peristiwa yang benar berlaku
- b. TEPAT - Berita yang ditulis adalah tepat, tidak berasas andaian atau rekaan Berita yang ditulis adalah tepat, tidak berasas andaian atau rekaan
- c. LENGKAP - Berita itu lengkap dan saksama, tidak menyebelahi mana-mana pihak; dan
- d. CEPAT - Mengedarkan berita itu kepada pelanggan dengan secepat mungkin selepas peristiwa itu berlaku.

Berita BERNAMA Memelihara Khazanah Negara

BERITA BERNAMA

Semua tulisan yang dihasilkan oleh petugas Jabatan Pengarang untuk siaran atau maklumat media cetak, elektronik dan bukan media, merangkumi berita, rencana, laporan khas, fokus berita dan analisis berita dalam pelbagai bidang. Sumber/punca berita diperolehi dari kenyataan daripada personaliti/individu, isi kandungan daripada siaran media, kenyataan akhbar, sidang media, teks ucapan, pemerhatian pemberita/wartawan dan dari agensi berita antarabangsa serta akhbar tempatan yang boleh diproses untuk dijadikan berita (Jadual 1 dan 2). Elemen asas pemberitaan ialah lima "W" (What, When, Why, Who, Where) dan satu "H" (How). Berita dihasilkan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Malaysia (BM) dan Bahasa Inggeris(BI).

Jadual 1 : Jumlah artikel yang terdapat di dalam BLIS
(1996 hingga 31 Julai 2005)

TAJUK	JUMLAH
Berita Dalam Negeri	220,528
General News	188,683
Berita Ekonomi	75,991
Economic News	81,349
Rencana/Laporan Khas	825
Features/Special Reports	947
Kenyataan Akhbar	2,795
Press Release	6,023
News Paper Summary	19,767
JUMLAH BERITA BERNAMA	596,908

Jadual 2 : Kategori, Tanggungjawab Serta Definisi Berita

KATEGORI	TANGGUNG JAWAB	DEFINISI
• BERITA AM	Perkhidmatan Berita Am (PBA)	Semua tulisan yang dihasilkan meliputi berita tempatan, serantau & dunia, sosial, jenayah, mahkamah, diplomatik,
• GENERAL NEWS	-Meja Berita -Meja Penyuntingan BM -Meja Penyuntingan BI	kemalangan, politik, parti politik, pilihanraya, kesenian, pendidikan,

Hasnita I.

		pembacaan, pelancongan, pengumuman, dasar kerajaan, laporan parlimen, kempen, pembangunan negara, hubungan luar negara, kebudayaan, sukan, keselamatan, kesihatan, alam sekitar, sains & teknologi, pertahanan, jenayah, bencana serta pelbagai isu-isu semasa di Malaysia.
<ul style="list-style-type: none"> • BERITA EKONOMI • ECONOMIC NEWS 	Perkhidmatan Berita Ekonomi (PBE) -Meja Berita -Meja Penyuntingan BM -Meja Penyuntingan BI	Semua tulisan meliputi berita berkaitan perkembangan korporat, laporan ekonomi, perkembangan kewangan syarikat, polisi, pengumuman Bank Negara, kadar mata wang, kewangan, laporan pasaran modal, komoditi dan berbagai berita ekonomi tempatan dan luar negara.
<ul style="list-style-type: none"> • RENCANA/ LAPORAN KHAS • FEATURES/ SPECIAL REPORTS 	Perkhidmatan Berita Am -Meja Rencana & Perkhidmatan Berita Luar Negeri	Semua tulisan yang meliputi rencana, fokus dan analisis berita mengikut isu semasa ataupun isu yang ditentukan yang merangkumi isu politik, sosial, alam sekitar, kebudayaan, gaya hidup dan pelbagai bidang.
<ul style="list-style-type: none"> • KENYATAAN AKHBAR • PRESS RELEASE 	PBA/PBE	Kenyataan bertulis yang mengandungi maklumat, penjelasan atau pengumuman rasmi daripada individu dan badan-badan kerajaan, swasta atau persatuan yang boleh dijadikan bahan berita.
• NEWSPAPER SUMMARY	PBA/PBE	Intipati tajuk-tajuk berita di akhbar tempatan

PENGHASILAN BERITA AM & BERITA EKONOMI, RENCANA DI JABATAN PENGARANG

Proses penghasilan berita am dan berita ekonomi serta rencana yang dilakukan di Jabatan Pengarang adalah seperti yang tertera di Jadual 3 dan 4. Evolusi simpanan di

Berita BERNAMA Memelihara Khazanah Negara

Jadual 3 : Proses Penghasilan Berita

PENGUMPULAN	<ul style="list-style-type: none">- Menerima siaran media melalui telefon, faksimili, e-mel, penghantaran cepat ataupun pos.- Menentukan dan memilih liputan yang sesuai.- Mengisi maklumat dari siaran media ke dalam Diari Tugasan.- Pemberita ditugaskan untuk membuat liputan acara berkenaan mengikut masa dan tempat yang ditetapkan.- Membuat persediaan tugas di perpustakaan / BLIS / hubungi pengaruh. <p>*Terdapat juga arahan bagi tugas kecemasan/ad-hoc</p>
PEMPROSESAN	<ul style="list-style-type: none">- Membuat liputan seperti ditugaskan.- Pulang ke pejabat.- Memastikan fakta/data berita adalah tepat dan sahih sebelum menulis.- Mencatat “initial” penulis.- Bagi berita penting, tulis dan hantar setiap lima perenggan.- Mencatatkan setiap nombor berita yang siap ke dalam kertas log berita.- Menyemak dan membuat tindakan pembetulan jika perlu dan menyalurkan berita kepada penyunting BM/BI. <p>*initial – singkatan nama pemberita, tidak melebihi 3 patah perkataan, diletakkan di bahagian bawah selepas perkataan BERNAMA.</p>
PENYALURAN	<ul style="list-style-type: none">- Memilih berita berdasarkan nilai sesuatu berita untuk disunting.- Menterjemah/sunting “take” pertama serta merta.- Mencatat “initial” penyunting.- Memastikan bahan berita disemak sebelum disalurkan kepada pelanggan.- Meneliti bahan berita lain dan mengasingkan berita bermasalah serta berita tidak lengkap atau yang sensitif yang boleh menimbulkan masalah perundangan.- Meneliti berita yang dirujuk sama ada boleh disalurkan kepada pelanggan atau “spike” berita tersebut.- Menterjemah berita yang disunting sama ada ke dalam BM atau BI.- Menyalurkan berita kepada pelanggan.- Jika menghadapi masalah, betulkan fakta dan ulangi penghantaran.

Hasnita I.

	*take - Format berita yang biasanya 5 perenggan *spike-Tindakan tidak menggunakan sesuatu berita
--	---

INFOLIB dipaparkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan lokasi berita BERNAMA di dalam BLIS.

Jadual 4 : Proses Rencana

PENGUMPULAN	<ul style="list-style-type: none">- Menerima tugasan. Isu/fokus rencana berdasarkan inisiatif sendiri ataupun arahan Editor.- Berbincang dengan Editor tentang isu/fokus dan pendekatan rencana yang ingin dihasilkan.- Memaklumkan kepada jurufoto/Perkhidmatan AV jika ingin ikut serta.- Membuat persediaan tugasan di perpustakaan/BLIS- Menghubungi sumber untuk tujuan temuramah.- Mengemukakan soalan melalui telefon, faksimili ataupun e-mel jika perlu.- Mengatur temujanji dengan sumber sama ada melalui telefon atau jawapan bertulis melalui faksimili atau e-mel.- Berbincang dengan jurufoto/perkhidmatan AV mengenai gambar yang perlu dirakam.
PEMPROSESAN	<ul style="list-style-type: none">- Menghasilkan rencana berdasarkan temuramah dan bahan rujukan yang diperolehi.- Menyemak rencana dan mencatat "initial" penulis di akhir rencana untuk tujuan identifikasi penulis.- Menyalurkan rencana melalui komputer kepada penyunting.- Menyunting dan memperkemasan rencana dan mencatat "initial" penyunting.- Menterjemah rencana yang disunting sama ada ke dalam BM atau BI.- Menyalurkan semula rencana melalui komputer kepada penulis.
PENYALURAN	<ul style="list-style-type: none">-Menyalurkan rencana yang telah disunting dan telah diterjemah kepada pelanggan.-Menghantar Nota Perhatian kepada Editor Rencana di akhbar-akhbar tempatan.- Memfailkan rencana ke dalam fail.-Menyemak akhbar jika ada yang menyiaran rencana itu dan jika ada, gunting, failkan dan catat dalam buku log.

Berita BERNAMA Memelihara Khazanah Negara

Jadual 5 : Evolusi Simpanan Di INFOLIB

KAEDAH
April 1968
<p>Secara manual</p> <p>*Menggunakan “Reuter pattern” yang disesuaikan mengikut kesesuaian negara Malaysia.</p> <p>*Perunding ialah Puan Kennard yang juga merupakan perunding kepada Perpustakaan New Straits Times.</p> <p>*Pustakawan pertama ialah Puan Ng Poh Tip dan petugas pertama ialah Puan Lim Lee Eng.</p> <ul style="list-style-type: none">- Menerima 6 salinan kemudian 4 salinan (sejak 1989) berita BERNAMA dari Unit Percetakan, Jabatan Pengarang(bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris).- Indeks artikel dengan mencatat tahun dan perkara.- Digunting dan disusun mengikut urutan “take” dan dikotak - salinan bahasa Inggeris di sebelah atas dan bahasa Malaysia di sebelah bawah.- Dimasukkan ke dalam raga yang disediakan.- Dimasukkan ke dalam “pigeon-hole” mengikut abjad.- Difail berdasarkan abjad dan perkara yang telah ditugaskan kepada setiap petugas.- Digam di atas kertas A4 agar mudah dirujuk kerana artikel itu terdapat dalam saiz yang berbeza. Kaedah gam menggunakan banyak kertas dan masa. Setelah itu kaedah ini diubah kepada dikotak di atas kertas A4. <p>*Juga terdapat berita BERNAMA yang telah dijilid mengikut kronologi iaitu dari 1969 hingga 1991. Dari 1992 hingga 1994 disimpan di dalam kotak.</p> <p>* Boleh didapati di Infolib.</p>
Oktober 1994
<p>TOPIC</p> <ul style="list-style-type: none">- Sistem berbentuk teks.- Mengambil berita dari perisian Newslink I.- Simpan dalam sistem TOPIC.- Boleh diakses semula secara teks bebas.
September 1996
<p>INFOLINK</p> <ul style="list-style-type: none">- Pangkalan data berita dan maklumat sebelum bertukar kepada BLIS.- Terpaksa ditukar kerana perkembangan teknologi, penyelenggaraan yang tinggi dan format yang terhad.- Mengambil berita dari perisian Newslink II- Boleh diakses melalui Internet
Julai 2001
<p>Newslink III</p> <ul style="list-style-type: none">- Perisian yang digunakan untuk format berita BERNAMA.

Hasnita I.

LOGIN to NEWS SERVER

BERNAMA NewsLink III

Enter TODAY's Date and Click OK to Continue...

Saturday , January 25, 2003 **OK**

- Perolehi berita yang telah dihasilkan oleh petugas Jabatan Pengarang mengikut kategori dari sistem "Text Master".
- Membuat pengubahsuaian satu demi satu mengikut urutan seperti yang telah diformatkan.
- Berita yang telah diproses.

Text Edit - UNTITLED

File Edit Search

25 JAN 2003

MAHATHIR-Amerika
MALAYSIA TERUS BANTAH SERANGAN TERHADAP IRAQ

Oleh: Azman Ujang
DNUOS : 25 Jan (Bernama) -- Malaysia akan terus menyuarakan tentangnya terhadap perang Amerika Syarikat untuk menyerang Iran walaupun kuasa besar itu tidak lagi mempedulikan pandangan dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.
Perdana Menteri, yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) berkata, adalah patut bagi Malaysia menyuarakan pandangannya terhadap sesuatu perkara yang dilakukan oleh negara besar lain.
Amerika Syarikat sampai sekarang masih berperang bukan sahaja tidak menyohok atau mempedulikan pandangan Malaysia dalam soal Iraq tetapi juga pandangan daripada negara-negara lain yang menentang rancangan perang itu, katanya kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi.
"Kita dapat Amerika tidak lagi mempedulikan pandangan dunia, tetapi sekurang-kurangnya Amerika tidak berperang dengan persepsi yang tidak berdasarkan bantahan dan bujukan kita. Jadi, untuk masing-masing negatif terhadap Amerika, maka Amerika akan berkata kepada dunia 'Kami berperang untuk kebaikan manusia, siapa nak kata tidak'." katanya.
Dr Mahathir mengulangi perihal beliau yang disuarakannya pada satu sidang pleno di mesyuarat WEF pada tempo lalu. Beliau berkata, "Kita ada dunia masih lagi berada di kurukan dengan hasil seperti di Zaman Batu dahulu. Katanya dunia mengukur kuasa sebuah negara itu bukan kerana ia bijak atau mempunyai kebudayaan yang baik, atau faham apa tentang keadilan dan betul-betul dapat mendirikan tamadun.
"Kini kita ukur kebesaran sesebuah negara mengikut keupayaan membunuh, kalau ia boleh bunuh yang terbanyak, maka ialah negara yang terbesar. Ini sama Zaman Batu dulu."

12 Modified Total 153 Top 1 Bytes: 8970 Insert

Start prosesberita... Arahkan Kerja... BERNAMA... 1:38 PM

Baris 1: Tarikh berita
Baris 2: "Slug"
Baris 3: "Tajuk"
Baris 4: "Tajuk"
Baris 5: "Oleh :" Nama Penulis
Baris 6: "Intro"
ISI BERITA
Baris ke dua akhir : BERNAMA
Baris akhir : "Initial"

Alchemy

- Sistem yang digunakan untuk memproses berita.
- Bagi berita BERNAMA 1968 – 1995 yang berbentuk teks ialah mengambil berita dari Newslink III, dan memasukkannya mengikut kronologi.
- Bagi berita BERNAMA 1995 hingga kini yang berbentuk .pdf, berita tersebut diambil dari fail, diimbas, dimasukkan ke dalam Alchemy mengikut perkara dan diindeks(perlu

Berita BERNAMA Memelihara Khazanah Negara

dilakukan agar pencarian boleh dibuat).


BLIS ADMIN

- Perisian yang diwujudkan untuk mengambil data dari Alchemy, diproses dan dimasukkan ke dalam BLIS.

BLIS (Bernama Library & Infolink Service)


- Pangkalan data berita dan maklumat berkaitan Malaysia.
- Beroperasi sebagai sebuah perpustakaan elektronik yang menawarkan maklumat mengenai trend perniagaan, penyelidikan hingga kepada arkib berita peristiwa penting termasuk ucapan, personaliti, fakta khas serta direktori kewangan dan media di Malaysia. Maklumat diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk agensi kerajaan, organisasi berita dan syarikat penarafan.

Diakses melalui Internet. <http://blis.bernama.com>




Hasnita I.

Bernama News dan sub-modul



Pencarian dengan berbagai cara (Advanced search)



Berita BERNAMA Memelihara Khazanah Negara

Hasil pencarian

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer window with the title bar "Advanced Search Results - Microsoft Internet Explorer". The address bar contains the URL "http://bls.bernama.com/uinq.php?SN=04703bc07518e3ea937b7d76928a27&snp%25%2D+2&title=%22tanah+runtuh%22&aut=1". The main content area displays the "Bernama Library & Infolink Service" website. The search results for "Bernama News (113 results) Showing results 1 - 20" are listed, including titles like "LEBIH BANYAK BANJIR DAN TANAH RUNTUH DIJANGKA TAHUNINI", "JICA KAJI TANAH RUNTUH SEPANJANG LEBUH RAYA", and "MPS AKAN SIASAT TANAH RUNTUH DI KAMPUNG MAMBAU". The bottom status bar shows "BERITA BERNAMA - Mic... Advanced Search Re... Document1 - Microsoft Word" and the time "6:16 PM".

Artikel penuh

The screenshot shows a Microsoft Internet Explorer window with the title bar "BLIS - Microsoft Internet Explorer". The address bar contains the URL "http://bls.bernama.com/makearticle.php?SN=04703bc07518e3ea937b7d76928a27&snp%25%2D+2&title=%22tanah+runtuh%22&aut=1". The main content area displays the "Bernama Library & Infolink Service" website. The article headline is "22 NOV 2000 Lav-Hujan LEBIH BANYAK BANJIR DAN TANAH RUNTUH DIJANGKA TAHUNINI". The text of the article discusses flooding and landslides in Pahang and Terengganu during the monsoon season. The bottom status bar shows "BERITA BERNAMA - Mic... BLIS - Microsoft Inter... Document1 - Microsoft Word" and the time "6:17 PM".

Hasnita I.

Jadual 6 : Lokasi Berita BERNAMA Dalam BLIS

TAHUN	MODUL/SUB-MODULS
1968 – 1995 (Disusun ikut perkara)	ARCHIVES -Archives 1968 –1995 (PDF)
1996 – terkini (Disusun ikut kronologi)	BERNAMA NEWS

PENUTUP

Mengumpul serta memproses bahan berita; menyalurkan berita kepada pelanggan; dan setelah itu diarkibkan untuk diakses semula dengan kadar segera, adalah satu pusingan yang berlaku setiap hari. Sumber atau punca berita sekunder menggambarkan bahawa berita BERNAMA mencatat segala kejadian dan peristiwa di Malaysia yang benar setiap hari. Tenaga petugas Jabatan Pengarang yang melebihi 300 orang di seluruh Malaysia juga mencerminkan liputannya yang menyeluruh dan lengkap. Proses penghasilan berita yang memerlukan semakan yang teliti dan suntingan mencerminkan kesahihan dan ketepatannya.

Berita yang dihasilkan sangat berguna kepada pemberita sebagai latar belakang, memperkuatkan lagi fakta ataupun sebagai perbandingan dalam penghasilan berita seterusnya. Di samping itu berita BERNAMA sangat berguna bagi seluruh rakyat Malaysia bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan untuk meningkatkan lagi ketamadunan manusia. Segala persoalan dapat dijawab, segala peristiwa dapat disingkap. Itulah keistimewaan berita BERNAMA.

RUJUKAN

BERNAMA. 2000. *Dokumen ISO 9001 : 2000*.

BERNAMA. *Laporan Anugerah Kualiti Perdana Menteri*.

BERNAMA. <http://www.bernama.com>

Malaysia. 1967. *Akta BERNAMA 1967 (Akta 449)*.

Temubual dengan petugas INFOLIB dan Jabatan Pengarang BERNAMA.